

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1995/96

Oktober/November 1995

HKT 221 Teori dan Kritikan Kesusasteraan

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DI DALAM LIMA [5] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan. DUA [2] soalan daripada setiap Bahagian A dan B.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

BAHAGIAN A - Jawab DUA [2] soalan

1. Ilmu kesusasteraan terbahagi kepada tiga bidang, iaitu teori kesusasteraan, kritikan kesusasteraan dan sejarah kesusasteraan. Huraikan hubungan ketiga-tiga bidang itu dan jelaskan fungsi kritikan kesusasteraan bagi perkembangan kesusasteraan umumnya.
2. Huraikan bahawa kritikan *Explication de texte* adalah kritikan yang cermat, yang dapat mengungkap berbagai aspek sesuatu karya. Jelaskan pula kekurangan-kekurangan kritikan ini. Gunakan contoh karya untuk menopang hujah-hujah tersebut.
3. Huraikan psikoanalisis Freud yang menyangkut mimpi dan penciptaan karya kesusasteraan sebagai cara-cara untuk mengurang tekanan pada id. Berikan contoh yang konkrit untuk mengukuhkan hujah-hujah anda.
4. Dengan merujuk kepada penjelasan Jan van Luxemburg, huraikan aspek-aspek penting daripada aliran *New Criticism*. Jelaskan pula sumbangan aliran *New Criticism* Belanda dan Perancis kepada perkembangan kajian/ilmu kesusasteraan.

.../2

BAHAGIAN B - Jawab DUA [2] soalan

5. Pada abad ke-11 para sarjana Arab seperti al-Farabi, Ibn Sina dan al-Jurjani telah membahaskan teori Aristotle tentang **mimesis** dan **creatio**. Huraikan pandangan para sarjana Arab tersebut tentang **mimesis** dan **creatio** dan kaitkan dengan teori mereka tentang imaginasi, sehingga menimbulkan aliran strukturalisme al-Jurjani.
6. Jelaskan analisis strata norma yang dikemukakan Roman Ingarden, dan dengan menggunakan analisis Roman Ingarden tersebut bahaskan sajak Chairil Anwar "Cintaku Jauh di Pulau".
7. Huraikan teori Wang Fu-chih tentang **ching** dan **ch'ing**, dan dengan menggunakan teori tersebut bahaskan sajak "Sungai Mekong" karya A. Latiff Mohidin atau sajak "Berdiri Aku" karya Amir Hamzah.
8. Huraikan teori **rasa-dhvani** dari Abhinavagupta secara umum. Gunakan contoh karya kesusasteraan untuk huraian tersebut, misalnya **Ramayana**, **Shakuntala** karya Kalidasa atau **Cerita Panji**.

.../LAMPIRAJ

.../

LAMPIRAN

CINTAKU JAUH DI PULAU

Cintaku jauh di pulau,
gadis manis, sekarang iseng sendiri.

Perahu melancar, bulan memancar,
di leher kukalungkan ole-ole buat si pacar,
angin membantu, laut terang, tapi terasa
aku tidak kan sampai padanya.

Di air yang tenang, di angin mendayu,
di perasaan penghabisan segala melaju
Ajaj bertakhta, sambil berkata:

'Tunjukkan perahu ke pangkuanku saja'

Amboi! Jalan sudah bertahun kutempuh!
Perahu yang bersama kan merapuh,
Mengapa Ajaj memanggil dulu
Sebelum sempat berpeluk dengan cintaku?

Manisku jauh di pulau,
Kalau kumati, dia mati iseng sendiri.

1946 [Chairil Anwar]

SUNGAI MEKONG

1

sungai mekong
kupilih namamu
kerana aku begitu sepi
kan kubenamkan dadaku
ke dasarmu
kaki kananku ke bulan
kaki kiriku ke matari
kan kuhanyutkan hatiku
ke kakimu
namaku ke muara
suaraku ke gunung

2

sungai mekong
nafasmu begitu tenang
lenggangmu begitu lapang
di tebingmu
ada ibu bersuara sayu
mencari suara puteranya yang hilang
waktu ia merebahkan wajahnya
ke wajahmu
kau masih bisa senyum senang.

3

sungai mekong
akhirilah tarisiang riakmu
kulihat di dasarmu
kuntum-kuntum berdarah
batu-batu luka
malam ini

ribut dari utara akan tiba
tebingmu akan pecah
airmu akan merah
dan arusmu akan lebih keras
dari niagara

[A. Latiff Mohidin]

.../:

BERDIRI AKU

Berdiri aku di senja senyap
Camar melayang menepis buih
Melayah bakau mengurai puncak
Berjulang datang ubur terkembang

Angin pulang menyejuk bumi
Menepuk teluk mengempas emas
Lari ke gunung memuncak sunyi
Berayun-alun di atas alas.

Benang raja mencelup ujung
Naik marak menyerak corak
Elang leka sayap tergulung
Di mabuk warna berarak-arak.

Dalam rupa maha sempurna
Rindu-sendu mengharu kalbu
Ingin datang merasa sentosa
Menyecap hidup bertentu tuju.

[Amir Hamzah]

-ooooOoooo-

